

## JABATAN PERTANIAN MALAYSIA KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 37001 : 2016

# ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM

### 1. APA ITU ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)?

International Organization for Standardization (ISO) – iaitu badan penetapan standard antarabangsa, telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Project Committee ISO (PC 278) pada tahun 2013. Jawatankuasa tersebut yang dianggotai oleh pakar lebih daripada 50 buah negara dan organisasi antarabangsa termasuk Malaysia telah bekerjasama untuk membangunkan ISO37001 *Anti-Bribery Management System*. Project Committee ISO (PC 278) telah berbincang melalui beberapa siri mesyuarat yang telah diadakan di Spain (Madrid), France (Paris), USA (Miami), Malaysia (Kuala Lumpur) dan Mexico antara bulan Jun 2013 hingga Jun 2016. Seterusnya pada bulan Oktober 2016, ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ISO 37001) telah dilancarkan.

Pada bulan Disember 2016, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Standard Malaysia (JSM) – sebagai sebuah badan yang memberikan pengiktirafan standard di Malaysia untuk menerima pakai ISO 37001 di Malaysia. Pada bulan Oktober 2017, pelancarannya telah dilaksanakan dan kemudiannya dikenali sebagai MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (MS ISO 37001).

ISO 37001/ MS ISO 37001 ini adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh mana-mana organisasi.

Standard ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya.

### 2. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2021 : DASAR PELAKSANAAN IMUNISASI COVID 19 BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Pegawai bertanggungjawab mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap bagi memastikan keselamatan serta penyampaian dan produktiviti perkhidmatan awam yang optimum.

- Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap.
- Mana-mana pegawai yang **gagal mematuhi arahan** Ketua Jabatan boleh **tindakan tatatertib** atau **ditamatkan perkhidmatan**.
- Pegawai yang tidak melengkapkan dos imunisasi COVID-19 boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membuat pemeriksaan kesihatan.

<https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2021/pp042021.pdf>

### 3. PEKELILING PERBENDAHARAAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN WP 4.2 KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN KERAJAAN MALAYSIA

- Pekeliling ini bertujuan memberikan penjelasan mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlakunya kemalangan yang melibatkan kenderaan Kerajaan Malaysia. Kemalangan kenderaan Kerajaan yang berlaku di Sabah, Sarawak dan Singapura haruslah juga diliputi oleh Pekeliling yang sama.
- Pemandu-pemandu Kerajaan tidak bertanggungjawab membaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan. Walau bagaimanapun, pemandu-pemandu berkenaan boleh didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalan raya. Selain daripada itu, tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas pemandu yang berkenaan.

<https://ppp.treasury.gov.my/sub-topik/fail/70/muat-turun>

### 4. GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN MEMANDU KENDERAAN KERAJAAN DAN PEMBAYARAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

- Garis panduan ini dikeluarkan bagi memastikan semua Urusan Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan dan Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan di Jabatan Pertanian Malaysia dibuat dengan teratur dan menepati peraturan dan pekeliing yang berkuat kuasa. (**Pekeliing Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007**).
- Selaras dengan keperluan Jabatan pada masa kini, Garis Panduan Permohonan Kebenaran Memandu Kenderaan Kerajaan dan Pembayaran Elaun Tugas Memandu Kenderaan ini dikeluarkan bagi menambahbaik Garis Panduan Kebenaran Memandu Kenderaan Jabatan Pertanian Tahun 2013.

[http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti\\_sumber/sumber\\_warga/garis\\_panduan\\_permohonan\\_kebenaran\\_memandu\\_kenderaan.pdf](http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_warga/garis_panduan_permohonan_kebenaran_memandu_kenderaan.pdf)